



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**5 MEI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 26 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 370,849 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 109 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 363,109 orang. Manakala 159 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 158 orang di hospital dan satu (1) orang di fasiliti swasta.. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah sembilan (9) orang yang berada di ICU/repurposed kritikal care dan tiga (3) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tuaran berubah dari zon merah ke zon jingga manakala Tenom berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning 19 daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Merah empat (4) daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes baharu di Sabah hari ini masih stabil walaupun terdapat pertambahan tiga (3) kes berbanding catatan semalam. Jumlah jangkitan baharu ialah 26 kes.
- b. Kota Kinabalu kembali mencatat kes harian dua (2) angka dengan 11 kes baharu setelah merekodkan hanya empat (4) kes kelmarin. Tambunan yang tidak mencatat sebarang kes baharu kelmarin juga merekodkan enam (6) jangkitan baharu hari ini. Pergerakan turun naik kes harian di daerah-daerah lain adalah pada skala yang kecil. Tidak ada jangkitan baharu dilaporkan di 19 daerah. Kedudukan ini sejajar dengan fasa penstabilan yang sedang dilalui oleh negeri ini.
- c. Kita telah meramalkan pertambahan jumlah jangkitan baharu yang berpunca daripada acara-acara sambutan Aidilfitri dan Kaamatan diseluruh negeri Sabah sepanjang bulan ini. Walaupun masih terlalu awal membuat penilaian, setakat ini jumlah pertambahan yang direkodkan adalah pada tahap yang kecil dan terkawal. Ini merupakan bukti kukuh bahawa pengambilan vaksin oleh sebahagian besar rakyat telah meningkatkan imuniti tubuh badan mereka daripada risiko jangkitan virus.
- d. Seramai 23 orang daripada 26 pesakit adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, dua (2) pesakit dalam Kategori 3 dan seorang pesakit dalam Kategori 4. Tidak ada pesakit dalam Kategori 5 dilaporkan hari ini.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	3	11.54%
3	Bergejala	16	61.54%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	7	26.92%
<b>JUMLAH</b>		<b>26</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (4 Mei 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 4/052022	Catatan Kes 5/05/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	4	11	+7
2	Tambunan	0	6	+6
3	Telupid	0	2	+2
4	Beaufort	0	1	+1
5	Kunak	0	1	+1
6	Papar	0	1	+1
7	Kalabakan	0	0	Mendatar
8	Pitas	0	0	Mendatar
3	Kota Marudu	0	0	Mendatar
10	Tongod	0	0	Mendatar
11	Nabawan	0	0	Mendatar
12	Kinabatangan	0	0	Mendatar
13	Kuala Penyu	0	0	Mendatar
14	Sipitang	0	0	Mendatar
15	Keningau	0	0	Mendatar
16	Beluran	0	0	Mendatar
17	Kudat	0	0	Mendatar
18	Lahad Datu	0	0	Mendatar
19	Putatan	0	0	Mendatar
20	Penampang	5	1	-4
21	Tawau	3	0	-3
22	Sandakan	5	3	-2
23	Tuaran	2	0	-2
24	Ranau	1	0	-1
25	Kota Belud	1	0	-1
26	Semporna	1	0	-1
27	Tenom	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>23</b>	<b>26</b>	<b>+3</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	2	8	0	1	11	162
Tambunan	0	1	3	0	2	6	17
Sandakan	0	0	2	0	1	3	55
Telupid	0	0	1	0	1	2	9
Penampang	0	0	1	0	0	1	49
Papar	0	0	1	0	0	1	36
Beaufort	0	0	0	0	1	1	16
Kunak	0	0	0	0	1	1	3
Tuaran	0	0	0	0	0	0	31
Tawau	0	0	0	0	0	0	24
Keningau	0	0	0	0	0	0	18
Kota Belud	0	0	0	0	0	0	15
Putatan	0	0	0	0	0	0	25
Kota Marudu	0	0	0	0	0	0	8
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	52
Ranau	0	0	0	0	0	0	9
Tenom	0	0	0	0	0	0	19
Pitas	0	0	0	0	0	0	3
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	7
Sipitang	0	0	0	0	0	0	9
Beluran	0	0	0	0	0	0	6
Tongod	0	0	0	0	0	0	1
Nabawan	0	0	0	0	0	0	4
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	8
Semporna	0	0	0	0	0	0	13
Kudat	0	0	0	0	0	0	10
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	3
<b>JUMLAH</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>16</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>26</b>	<b>612</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 1,204 unit.

- Hospital 1,176 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 13.21%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 5 MEI 2022

### i.Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	26
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>

### ii.Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	23
Bukan Malaysia	3
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>

### iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	2
Belum Menerima Vaksin (5-11)	1
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	2
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	12
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	9
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>

### iv.Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	0
1-4	2
5 -11	3
12-17	2
18-29	6
30-39	7
40-49	1
50-59	1
60-69	2
70-79	2
80-89	0
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 4 Mei 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 404 orang. Daripada jumlah ini, seramai 41 orang adalah penduduk dewasa, 27 orang adalah penduduk remaja dan 333 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 4 Mei 2022 adalah seramai 2,587,249 orang. Ini meliputi 2,134,544 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.57% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,464,444 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,091,891 orang atau 77.00% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 335,269 orang atau 78.66% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 319,415 atau 74.94% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 117,445 atau 28.55% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 53,138 atau 12.92% orang.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**